

<p><b>NAMA KURSUS</b></p> <p><b>KOD KURSUS</b></p> <p><b>KREDIT</b></p>	<p>:</p> <p>:</p> <p>:</p>	<p>INTEGRITI DAN ANTIRASUAH (<i>INTEGRITY AND ANTI-CORRUPTION</i>)</p> <p>MENGIKUT IPT MASING-MASING</p> <p>3</p>
<p><b>HASIL PEMBELAJARAN</b></p>	<p>:</p> <p>1.</p> <p>2.</p> <p>3.</p>	<p>Pelajar dapat:</p> <p>1. Menerangkan konsep integriti dan antirasuah dalam aktiviti seharian.</p> <p>2. Menghubung kait bentuk perlakuan rasuah dan salah guna kuasa dalam aktiviti seharian dan organisasi.</p> <p>3. Mensintesis penyelesaian masalah integriti dan rasuah .</p>
<p><b>SINOPSIS</b></p>	<p>:</p>	<p>Kursus ini merangkumi konsep asas rasuah termasuk nilai integriti, antirasuah, bentuk perlakuan rasuah, salah guna kuasa dalam aktiviti seharian dan organisasi serta kaedah pencegahan rasuah. Kes berkaitan rasuah juga dibincangkan. Kaedah pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan dalam bentuk ‘pembelajaran berdasarkan pengalaman’ melalui aktiviti individu dan kumpulan. Pada akhir kursus ini, pelajar dapat memahami amalan integriti, konsep rasuah, antirasuah dan salah guna kuasa serta pencegahan rasuah dalam masyarakat dan organisasi.</p> <p><i>This course covers the basic concept of corruption, anti-corruption including the value of integrity, forms of corruption, abuse of power in daily activities and organizations as well as ways to prevent corruption. Cases related to corruption are discussed. Teaching and learning methods are implemented in the form of ‘experiential learning’ through individual and group activities. At the end of this course, students are able to understand the practice of integrity, the concept of corruption and anti-corruption, and abuse of power as well as the prevention of corruption in society and organizations.</i></p>

KANDUNGAN KURSUS DAN MASA PEMBELAJARAN PELAJAR (SLT)		
Mohon lihat jadual 4 (table 4).		
KULIAH	1	<p>MODUL 1: PENGENALAN KURSUS INTEGRITI DAN ANTIRASUAH (KIAR)</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengenalan kepada KIAR</li> <li>• Kepentingan KIAR</li> <li>• Latar belakang dan gambaran keseluruhan KIAR</li> </ul>
	2	<p>MODUL 2: INTEGRITI TERAS KESEJAHTERAAN</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tadbir urus/ Tata kelola korporat</li> <li>• Tadbir urus/Tata kelola keinsanan</li> <li>• Etika dalam kehidupan</li> <li>• Definisi integriti</li> <li>• Faktor yang menggugat integriti</li> <li>• Bidang pekerjaan berisiko tinggi yang terlibat dengan isu integriti</li> <li>• Pembudayaan integriti dalam kalangan pelajar</li> <li>• Inisiatif kerajaan bagi meningkatkan integriti perkhidmatan awam</li> </ul>
	3	<p>MODUL 3: RASUAH DIHINA, MARUAH DIBINA</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Definisi rasuah dan antirasuah secara umum</li> <li>• Rasuah jenayah yang serius</li> <li>• Siapa yang boleh terjebak dalam jenayah rasuah?</li> <li>• Minda (<i>mindset</i>) perasuah</li> <li>• Bidang pekerjaan berisiko tinggi terhadap rasuah</li> <li>• Kedudukan negara dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI)</li> </ul>
	4	<p>MODUL 4: AGENSI PENCEGAHAN RASUAH DAN PEMERKASAAN INTEGRITI</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• SPRM agensi peneraju pencegahan rasuah</li> <li>• Agensi lain yang melaksanakan usaha pencegahan rasuah, peningkatan integriti dan tata kelola</li> </ul>
	5	<p>MODUL 5: RASUAH BERDASARKAN AKTA SPRM 2009</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Istilah rasuah serta bentuk suapan</li> <li>• Kesalahan rasuah berdasarkan Akta SPRM 2009</li> <li>• Hadaiah boleh menjadi rasuah mengikut undang-undang Malaysia</li> </ul>

## Proforma KIAR – 3 kredit

		<ul style="list-style-type: none"><li>• Implikasi perundangan atas perbuatan rasuah</li></ul>
	6	<p>MODUL 6: KESALAHAN LIABILITI KORPORAT</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Kesalahan rasuah oleh organisasi komersial – Seksyen 17A Akta SPRM 2009</li><li>• Definisi organisasi komersial dan pihak yang bersekutu</li><li>• Hukuman kesalahan liabiliti korporat</li><li>• Prinsip TRUST dalam memenuhi kehendak tatacara bawah Seksyen 17A Akta SPRM 2009</li></ul>
	7	<p>MODUL 7: JENAYAH KOLAR PUTIH</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Definisi jenayah kolar putih</li><li>• Perbezaan jenayah kolar putih dan jenayah kolar biru</li><li>• Kesan jenayah kolar putih</li><li>• Contoh kes sebenar jenayah di dalam dan luar negara</li><li>• Jenayah kolar putih terkini</li><li>• Mengenali profil <i>fraudster</i></li></ul>
	8	<p>MODUL 8 : PUNCA, SIMPTOM DAN KESAN JENAYAH RASUAH</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Jenayah rasuah berdasarkan teori-teori berkaitan</li><li>• Simptom jenayah rasuah</li><li>• Kesan jenayah rasuah terhadap individu, masyarakat dan negara</li></ul>
	9	<p>MODUL 9: PERANGI RASUAH LAPOR, CEGAH DAN INISIATIF KERAJAAN</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Prosedur melaporkan tawaran dan permintaan rasuah</li><li>• Bentuk perlindungan kepada pemberi maklumat dan saksi kes rasuah</li><li>• Langkah pencegahan rasuah dan panduan mengelakkan diri daripada terjebak rasuah</li><li>• Inisiatif kerajaan dalam pencegahan rasuah</li></ul>

**Proforma KIAR – 3 kredit**

	10	<p>MODUL 10: INSTITUSI SOSIAL DALAM PEMBUDAYAAN INTEGRITI DAN ANTIRASUAH</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pembudayaan integriti dan antirasuah</li> <li>• Peranan institusi keluarga</li> <li>• Peranan institusi agama</li> <li>• Peranan institusi pendidikan</li> <li>• Peranan institusi media</li> </ul>	
<b>PENTAKSIRAN</b>	:	20%	Kuiz/Main peranan ( <i>Role Play</i> )/Tinjauan mesra ( <i>Walkabout</i> )
		40%	Laporan
		30%	Pembentangan
		10%	Refleksi
<b>RUJUKAN</b>	:	1	Mohamad Tarmize Abdul Manaf (2020). Nota Pencegahan rasuah. Bahagian Pendidikan Masyarakat, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. Putrajaya
		2	Mohamad Tarmize Abdul Manaf et al. (2020). Kursus Integriti dan Rasuah IPT. Bahagian Pendidikan Masyarakat, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. Putrajaya.
		3	Mohd Firdaus Ramlan (2021). Tumbuk Rusuk: Pengkisahan Dari Tirai Besi. Akademi Kajian Rantau Nusantara Akar. Batu Caves, Selangor.
		4	Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (2019). Pelan Antirasuah Nasional 2019-2023. Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya.
		5	Syed Hussein Alatas (1999). Corruption and the Destiny of Asia. Simon and Schuster Asia.
		6	Syed Hussein Alatas. (2009). Rasuah: Sifat, Sebab dan Fungsi. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
		7	Zulkanain Abdul Rahman, Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus & Noor Ain Mat Noor (2017). Sejarah Perjuangan SPRM: Satu Perjalanan. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

PEMETAAN PENAJARAN KONSTRUKTIF KURSUS INTEGRITI DAN ANTIRASUAH (KIAR) (3 KREDIT)								
Bil	Hasil Pembelajaran Kursus (HPK)	KKM	Kaedah Penyampaian	Komponen/Kaedah Pentaksiran (%)			Perincian Tugas	Beban Pembelajaran Pelajar / <i>Student Learning Time</i> (SLT)
				Kuiz/Main peranan ( <i>Role Play</i> )/Tinjauan mesra ( <i>Walkabout</i> )/ Refleksi	Pembentangan	Laporan		
1.	Menerangkan konsep integriti dan antirasuah dalam aktiviti seharian.	MQF5	Kuliah interaktif, pembelajaran berasaskan kes ( <i>case-based learning</i> ) dan aktiviti menggunakan pendekatan HIEPs	20%			Soalan boleh berbentuk kuiz/ujian bertulis/dalam talian atau Main peranan ( <i>Role Play</i> ) atau Tinjauan mesra ( <i>Walkabout</i> ) yang berkaitan aplikasi ke atas konsep integriti dan antirasuah dalam aktiviti seharian yang menekankan atribut moral dalam MQF5: Etika dan Profesionalisme.	20

Proforma KIAR – 3 kredit

2.	Menghubung kait bentuk perlakuan rasuah dan salah guna kuasa dalam aktiviti seharian dan organisasi	MQF3B	Kuliah interaktif, pembelajaran berasaskan kes ( <i>case-based learning</i> ) dan aktiviti menggunakan pendekatan HIEPs			40%	Laporan bertulis yang berkaitan bentuk perlakuan rasuah dan salah guna kuasa dalam aktiviti seharian dan organisasi yang menekankan atribut Komunikasi Sosial & Tanggungjawab Sosial dalam MQF3B: Kemahiran Interpersonal.	45
3.	Mensintesis penyelesaian masalah integriti dan rasuah	MQF4	Kuliah interaktif, pembelajaran berasaskan kes ( <i>case-based learning</i> ) dan aktiviti berkaitan.	10%	30%		Refleksi dan PSA yang berkaitan penyelesaian masalah integriti dan rasuah yang menekankan atribut disiplin sendiri, kesedaran sendiri dan kemandirian dalam MQF4: Kemahiran Kendiri.	55
<b>JUMLAH</b>				<b>30</b>	<b>30</b>	<b>40</b>		
<b>JAM PEMBELAJARAN</b>								<b>120</b>

HPK	CONTOH TUGASAN	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI HPK	BAGAIMANA TUGASAN MENCAPAI ATRIBUT KKM
HPK 1	<p><b>Kuiz/Role play/Walkbout</b></p> <p><b>KUIZ</b></p> <p>Yang manakah antara berikut kesalahan salah guna kedudukan oleh penjawat awam?</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>A. Syarikat Weng Sing Sdn. Bhd. memberikan projek penyelenggaraan komputer kepada anak syarikatnya iaitu syarikat Weng Weng Sdn. Bhd.</li> <li>B. Pengarah Pengurusan Kementerian AAAA melantik syarikat anaknya untuk membuat ubah suai pejabatnya.</li> <li>C. Pengarah Jabatan XXXX telah tersalah pilih syarikat yang akhirnya menyebabkan projek tidak dapat disiapkan.</li> <li>D. Pegawai kerajaan yang membuat kerja luar tanpa kebenaran pegawai atasannya.</li> </ul> <p>Yang manakah antara berikut kesalahan menerima rasuah?</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>A. Pengarah urusan kontraktor utama (<i>main contractor</i>) menerima bayaran 1% daripada harga projek daripada sub-kontraktor. Tujuannya sebagai upah membantu mendapatkan projek tersebut.</li> </ul>	<p>Soalan-soalan kuiz secara bertulis atau atas talian ini meliputi semua bab/topik dalam kursus ini, yang berkaitan aplikasi ke atas konsep integriti dan antirasuah dalam aktiviti seharian yang menekankan atribut moral dalam MQF5: Etika dan Profesionalisme</p>	<p>Soalan boleh berbentuk kuiz/ujian bertulis/dalam talian yang berkaitan aplikasi ke atas konsep integriti dan antirasuah dalam aktiviti seharian, yang menekankan atribut moral dalam MQF5: Etika dan Profesionalisme.</p>

	<p>B. Kontraktor A menerima hadiah sebuah kereta Mini Cooper daripada kontraktor B yang merupakan jiran serta kawan baiknya. Hadiah diberi sempena perkahwinan dengan isteri ketiganya.</p> <p>C. Seorang kontraktor menerima habuan RM1 juta selepas memenangi pertandingan 'One Million Money Drop'.</p> <p>D. Pengarah urusan kontraktor utama menerima bayaran bonus dua bulan gaji kerana berjaya menangkap akauntannya yang terlibat rasuah.</p> <p>Di antara yang berikut, kenyataan manakah adalah BENAR?          SPRM menjalankan siasatan kes rasuah</p> <p>I. Jabatan Peguam Negara membuat pendakwaan kes rasuah          II. Mahkamah membuat pengadilan/penghakiman          III. SPRM mendakwa mereka yang terlibat dengan jenayah rasuah.</p> <p>I dan II          I, II dan IV          II dan III          I, II dan III</p> <p>Berikut adalah kesalahan salah guna kedudukan oleh penjawat awam, KECUALI</p> <p>I. Syarikat Weng Sing Sdn. Bhd. memberikan projek penyelenggaraan komputer kepada anak syarikatnya iaitu syarikat Weng Weng Sdn. Bhd.          II. Pengarah Pengurusan Kementerian AAAA melantik syarikat anaknya untuk membuat ubah suai pejabatnya.</p>		
--	---	--	--

	<p>III. Pengarah Jabatan XXXX telah tersalah pilih syarikat yang akhirnya menyebabkan projek tidak dapat disiapkan.</p> <p>IV. Pegawai kerajaan yang membuat kerja luar tanpa kebenaran pegawai atasannya.</p> <p>I dan II I, II dan IV II dan III I, II dan III</p> <p>Ali, pengerusi mesyuarat tender (sebuah jabatan kerajaan) menyedari salah sebuah syarikat yang masuk tender adalah milik keluarganya. Apakah yang perlu dilakukan oleh Ali?</p> <p>A. Mengisytiharkan kepentingan dan menarik diri daripada terlibat dalam membuat keputusan.</p> <p>B. Tidak berbuat apa-apa dan meneruskan mesyuarat.</p> <p>C. Menyembunyikan perkara itu daripada pengetahuan daripada ahli-ahli yang lain.</p> <p>D. Mengisytiharkan kepentingan dan meneruskan mesyuarat.</p> <p>Kontraktor A amat berpuas hati dengan perkhidmatan seorang pegawai kerajaan yang menguruskan perolehan. Apakah bentuk 'hadiah' yang paling sesuai diberikan sebagai tanda penghargaan?</p> <p>A. Hadiah jam Rolex.</p> <p>B. Memberi hamper.</p> <p>C. Belanja makan di hotel mewah.</p> <p>D. Menghantar surat penghargaan kepada pegawai atau jabatan di mana pegawai itu bertugas.</p>		
--	--	--	--

<p>Yang manakah antara berikut kesalahan mengemukakan tuntutan palsu?</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>A. Kontraktor A membuat tuntutan pendahuluan bagi kerja-kerja yang akan dijalankan.</li> <li>B. Kontraktor B meminta akauntannya untuk tandatangan pada invois yang menuntut bayaran kerja yang telah disempurnakan.</li> <li>C. Kontraktor C mengemukakan invois membuat tuntutan bagi barang-barang yang tidak dibekalkan.</li> <li>D. Kontraktor D membuat tuntutan lewat daripada tarikh yang sepatutnya.</li> </ul> <p><b>ATAU</b></p> <p><b>MAIN PERANAN /ROLE- PLAY</b></p> <p><b>Contoh Tugas: SITUASI MAIN PERANAN (ROLE PLAY)</b></p> <p><b>Arahan Tugas:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>1. Tugas ini dilakukan secara berkumpulan;</li> <li>2. Pembentukan kumpulan perlu dilakukan selewat-lewatnya pada minggu ke tiga setiap semester; tempoh masa diberikan 3 minggu;</li> <li>3. Tempoh masa diberikan kepada pelajar adalah 8 minggu;</li> <li>4. Pelajar akan diberikan tajuk tugas berdasarkan cerita, simulasi atau situasi;</li> <li>5. Tajuk tugas tersebut akan diberikan oleh tenaga pengajar;</li> </ul>	<p>Pelajar perlu membuat Main Peranan atau <i>Role Play</i> berdasarkan kepada tajuk situasi yang akan dipilih oleh Tenaga Pengajar yang melibatkan konsep integriti dan antirasuah dalam aktiviti seharian dan kes-kes yang melibatkan integriti dan antirasuah yang pelajar telah dipelajari. Aktiviti ini menekankan atribut moral dalam MQF5: Etika dan Profesionalisme.</p>	<p>Main Peranan atau <i>Role Play</i> berbentuk situasi yang mana tajuk situasi tersebut adalah berkaitan dengan integriti dan antirasuah yang berkaitan. Situasi juga mengaplikasikan konsep integriti dan antirasuah dalam aktiviti seharian yang menekankan atribut moral dalam MQF5: Etika dan Profesionalisme.</p>
--	--	---

6. Perlu dipastikan setiap tajuk tugas itu perlulah mempunyai elemen yang berkaitan dengan integriti dan antirasuah;
7. Pelajar perlu menghayati watak tersebut melalui aksi dan laras bahasa;
8. Pelajar perlu juga memasukkan elemen-elemen moral di dalam tugas main peranan tersebut;
9. Pelajar diberikan masa selama 4 minggu untuk merangka dan membuat latihan simulasi tersebut;
10. Sesi simulasi main peranan atau (*role play*) akan dijalankan bermula pada minggu ke 8 sesi kuliah atau mengikut kesesuaian dari tenaga pelajar;
11. Setelah selesai sesi simulasi main peranan (*role play*) tenaga pengajar akan memberikan markah berdasarkan kepada pencapaian tugas yang diberikan.

**Hasil Tugas:**

Main peranan atau *Role Play* yang baik mengandungi perkara-perkara seperti berikut:

Bil	Perkara
1.	<b>Isi Main Peranan</b> Pelajar perlu menekankan tentang elemen integriti dan antirasuah dalam kandungan main peranan tersebut.
2.	<b>Lakonan</b> Lakonan perlu baik serta penggunaan kata perlu jelas serta mesej yang disampaikan perlu jelas tanpa tersasar dari tajuk yang diberikan.

	<p>3. <b>Kepentingan</b>                  Bagaimanakah kepentingan isu integriti dan antirasuah dapat diketengahkan dengan baik.</p>		
	<p>4. <b>Aplikasi Dan Tindakan</b>                  Bagaimanakah dapat mengaplikasikan tajuk situasi yang diberikan dengan tindakan yang dilakukan semasa menjalankan sesi main peranan (<i>role play</i>) ini.</p>		
	<p>5. <b>Kesan Moral</b>                  Perlu terapkan unsur moral dan kesan yang ada dapat diambil dari tajuk situasi yang telah diberikan</p>		

	<p><b>ATAU</b></p> <p><b>WALKABOUT</b></p> <p><b>Contoh Tugas: KERJA LAPANGAN</b></p> <p><b>Arahan Tugas:</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Tugas ini dilakukan secara berkumpulan;</li> <li>2. Pembentukan kumpulan perlu dilakukan selewat-lewatnya pada minggu ketiga setiap semester; tempoh masa diberikan 3 minggu;</li> <li>3. Kerja lapangan perlu dilakukan semasa tempoh semester berlangsung;</li> <li>4. Pelajar dikehendaki untuk turun ke lapangan untuk bertemu dengan masyarakat dari kumpulan sasaran yang akan ditetapkan;</li> <li>5. Semasa sesi ini para pelajar dikehendaki untuk menyampaikan maklumat mengenai integriti dan rasuah kepada orang awam;</li> <li>6. Pelajar menyediakan borang soal selidik mengenai integriti dan rasuah dan mendapatkan maklum balas daripada orang awam;</li> <li>7. Hasil kerja lapangan perlu dibentangkan kepada tenaga pengajar;</li> <li>8. Sesalinan salinan lembut (<i>softcopy</i>) perlu diserahkan kepada tenaga pengajar;</li> </ol> <p><b>Hasil tugas:</b> Setiap kerja lapangan perlu mengandungi elemen-elemen seperti berikut:-</p> <table border="1" data-bbox="338 1294 1189 1378"> <thead> <tr> <th>Bil</th> <th>Perkara</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td> <td>Tajuk</td> </tr> </tbody> </table>	Bil	Perkara	1.	Tajuk	<p>Pelajar perlu membuat kerja lapangan dan menerangkan konsep integriti dan antirasuah dalam aktiviti seharian. Pelajar perlu menyampaikan mesej berkenaan integriti dan antirasuah kepada orang awam melalui kerja lapangan. Pelajar perlu mendapatkan maklum balas daripada orang awam dan menyediakan laporan refleksi. Semua perkara di atas adalah yang berkaitan aplikasi ke atas konsep integriti dan antirasuah dalam aktiviti seharian, yang menekankan atribut moral dalam MQF5: Etika dan Profesionalisme.</p>	<p>Tinjauan mesra (<i>Walkabout</i>) yang berkaitan aplikasi ke atas konsep integriti dan antirasuah dalam aktiviti seharian yang menekankan atribut moral dalam MQF5: Etika dan Profesionalisme.</p>
Bil	Perkara						
1.	Tajuk						

		Tajuk perlulah jelas dan menggambarkan keseluruhan kerja lapangan.		
2.	Pengenalan	Menjelaskan secara ringkas berkaitan dengan kerja lapangan yang dibuat.		
3.	Objektif Kerja Lapangan			
4.	Metodologi Kerja Lapangan	Kaedah, reka bentuk soalan, instrumen, sasaran sampel kerja lapangan.		
5.	Analisis Dapatan Kerja Lapangan			
6.	Perbincangan Dapatan Kerja Lapangan			
7.	Cadangan			
8.	Kesimpulan			
9.	Rujukan			
10.	Pembahagian tugas ahli kumpulan sertakan nama penuh dan nombor matrik pelajar.			

<p><b>HPK 2</b></p>	<p><b>LAPORAN BUKAN BERTULIS (VIDEO)</b></p> <p><b>PUBLIC SERVICE ANNOUNCEMENT (PSA)</b></p> <p><b>Contoh Tugas: PROJEK VIDEO PUBLIC SERVICE ANNOUNCEMENT (PSA)</b></p> <p><b>Arahan Tugas:</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Tugas ini dilakukan secara berkumpulan;</li> <li>2. Pembentukan kumpulan perlu dilakukan selewat-lewatnya pada minggu ke tiga setiap semester;</li> <li>3. Tempoh masa diberikan adalah 10 minggu;</li> <li>4. Contoh tajuk/ tema tugas: _             <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Cuti sakit palsu</li> <li>▪ Rasuah di universiti</li> <li>▪ Integriti Perosak Generasi</li> <li>▪ Punca rasuah</li> <li>▪ Kenali SPRM</li> <li>▪ Tanda-tanda orang terlibat rasuah</li> <li>▪ Rasuah vs Rezeki yang berkat</li> <li>▪ Kesalahan membuat tuntutan palsu</li> <li>▪ Kesan Rasuah</li> <li>▪ Perangi rasuah tanggungjawab bersama</li> <li>▪ Pemberi Maklumat adalah dilindungi</li> <li>▪ Saksi adalah dilindungi</li> <li>▪ Prinsip menolak rasuah</li> <li>▪ Keluarga bahagia tanpa rasuah</li> </ul> </li> </ol>	<p>Pelajar perlu menyediakan <i>Video Public Service Announcement (PSA)</i> berdasarkan tajuk/tema yang diberikan. Video perlu menyampaikan mesej mengenai integriti dan rasuah. Pelajar perlu menghubungkan kait bentuk perlakuan rasuah dan salah guna kuasa dalam aktiviti seharian dan organisasi yang menekankan atribut Komunikasi Sosial &amp; Tanggungjawab Sosial dalam MQF 3B: Kemahiran Interpersonal.</p>	<p>Laporan PSA yang berkaitan bentuk perlakuan rasuah dan salah guna kuasa dalam aktiviti seharian dan organisasi yang menekankan atribut Komunikasi Sosial &amp; Tanggungjawab Sosial dalam MQF 3B: Kemahiran Interpersonal.</p>
---------------------	---	---	---

	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Hasil rasuah adalah haram</li> <li>▪ Rasuah rugikan negara</li> <li>▪ Lain-lain</li> </ul> <ol style="list-style-type: none"> <li>5. Pembentangan perlu dilakukan semasa tempoh semester berlangsung;</li> <li>6. Setiap kumpulan perlu menyediakan satu video sebagai medium pembentangan;</li> <li>7. Sari kata perlu disediakan;</li> <li>8. Muzik latar perlulah bersesuaian dan tidak mengganggu penyampaian yang dibuat dalam video;</li> <li>9. Video yang dihasilkan mestilah tidak melebihi 3 minit;</li> <li>10. Video boleh dihasilkan menggunakan kreativiti sama ada menggunakan animasi, lakonan atau sebarang kaedah yang bersesuaian;</li> <li>11. Video akan dinilai semasa sesi pembentangan;</li> <li>12. Perubahan maklumat kandungan video perlu dibuat sekiranya tidak menepati tajuk/tema atau menyentuh sensitiviti;</li> <li>13. Satu salinan lembut (<i>softcopy</i>) video perlu diserahkan kepada tenaga pengajar;</li> <li>14. Setiap video yang telah disemak dan diluluskan perlu dikongsikan kepada orang awam melalui perkongsian media sosial (<i>optional</i>)</li> </ol> <p><b>Hasil tugasan:</b> Setiap video pembentangan perlu mengandungi elemen-elemen seperti berikut:-</p> <table border="1" data-bbox="338 1238 1191 1326"> <thead> <tr> <th>Bil</th> <th>Perkara</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td> <td>Tajuk</td> </tr> </tbody> </table>	Bil	Perkara	1.	Tajuk		
Bil	Perkara						
1.	Tajuk						

	Tajuk perlulah jelas dan menggambarkan keseluruhan topik.		
2.	Pengenalan Menjelaskan secara ringkas berkaitan dengan topik yang dibuat.		
3.	Isi Kandungan <ul style="list-style-type: none"> <li>• Faktor-faktor berlakunya kesalahan</li> <li>• Kesalahan yang dilakukan perlu dikaitkan dengan akta/ undang-undang dan hukuman yang berkaitan</li> <li>• Implikasi kepada individu/ organisasi/ individu dan negara</li> <li>• Langkah mengatasi isu integriti dan rasuah</li> <li>• Pengajaran daripada kajian kes yang dibuat</li> <li>• Rumusan kepada kajian kes yang telah dibuat</li> </ul>		
4.	Rujukan		

<p><b>HPK 3</b></p>	<p><b>REFLEKSI</b></p> <p><b>Contoh Tugas: TUGASAN REFLEKSI</b></p> <p><b>Arahan Tugas:</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Tugas ini dilakukan secara berkumpulan;</li> <li>2. Pembentukan kumpulan perlu dilakukan selewat-lewatnya pada minggu ketiga setiap semester; tempoh masa diberikan 3 minggu;</li> <li>3. Pelajar dikehendaki mendapatkan maklum balas daripada media bercetak atau/dan media elektronik dalam menyediakan laporan refleksi mengenai permasalahan integriti dan rasuah dalam masyarakat;</li> <li>4. Pelajar perlu mensintesis dapatan kajian dalam laporan refleksi;</li> <li>5. Kembangkan perbincangan anda dalam menghubungkan topik anda kepada isu-isu semasa dan bahan-bahan tambahan yang diperolehi daripada bahan lain seperti buku dan rujukan internet;</li> <li>6. Laporan refleksi ini hendaklah memenuhi kriteria dengan menggunakan format font biasa iaitu <i>Times New Roman</i> saiz 12, Langkau saiz 1.5 dan maksimum halaman tugas ini adalah tidak melebihi 8 hingga 10 halaman;</li> <li>7. Tarikh dan masa penghantaran akan ditentukan oleh tenaga pengajar;</li> <li>8. Sesalinan salinan lembut (<i>softcopy</i>) perlu diserahkan kepada tenaga pengajar;</li> </ol> <p><b>Contoh Tajuk:</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Modul Integriti VS Rasuah</li> </ol>	<p>Pelajar akan diberikan tajuk/kes-kes rasuah yang berlaku di dalam dan luar negara. Pelajar perlu membuat pembentangan dengan mensintesis penyelesaian masalah integriti dan rasuah yang menekankan atribut disiplin sendiri, kesedaran sendiri dan kemandirian dalam MQF4: Kemahiran Kendiri.</p>	<p>Refleksi yang berkaitan penyelesaian masalah integriti dan rasuah yang menekankan atribut disiplin sendiri, kesedaran sendiri dan kemandirian dalam MQF4: Kemahiran Kendiri</p>
---------------------	---	--	--

<p>2. Modul Jenayah Kolar Putih                  3. Modul Rasuah Berdasarkan Akta SPRM 2009                  4. Modul Punca, Simptom Dan Kesan Rasuah</p> <p><b>Hasil Tugas:</b></p> <p>Refleksi yang baik mengandungi perkara-perkara seperti berikut:-</p> <table border="1" data-bbox="338 531 1178 1313"> <thead> <tr> <th data-bbox="338 531 434 576">Bil</th> <th data-bbox="434 531 1178 576">Perkara</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="338 576 434 703">1.</td> <td data-bbox="434 576 1178 703"> <b>Perkara Dipelajari</b>                      Perkara yang anda Pelajari                      Apakah perkara-perkara yang disampaikan dalam topik                 </td> </tr> <tr> <td data-bbox="338 703 434 863">2.</td> <td data-bbox="434 703 1178 863"> <b>Kaitan Integriti dengan Kehidupan Sehari-hari</b>                      Bagaimana kaitan antara perkara-perkara yang disampaikan dalam topik ini mempunyai hubungan dalam kehidupan anda dan apakah faedahnya                 </td> </tr> <tr> <td data-bbox="338 863 434 986">3.</td> <td data-bbox="434 863 1178 986"> <b>Kepentingan</b>                      Bagaimanakah kepentingan topik ini terhadap kehidupan anda, masyarakat dan negara.                 </td> </tr> <tr> <td data-bbox="338 986 434 1145">4.</td> <td data-bbox="434 986 1178 1145"> <b>Aplikasi Dan Tindakan</b>                      Bagaimanakah dapat mengaplikasikan topik kepada kehidupan pelajar serta tindakan yang perlu dilakukan untuk menghindari dari gejala ini.                 </td> </tr> <tr> <td data-bbox="338 1145 434 1313">5.</td> <td data-bbox="434 1145 1178 1313"> <b>Kesan Moral</b>                      Apakah terdapat unsur moral dan kesan yang ada dapat diambil dari topik modul yang telah disampaikan.                 </td> </tr> </tbody> </table>	Bil	Perkara	1.	<b>Perkara Dipelajari</b> Perkara yang anda Pelajari Apakah perkara-perkara yang disampaikan dalam topik	2.	<b>Kaitan Integriti dengan Kehidupan Sehari-hari</b> Bagaimana kaitan antara perkara-perkara yang disampaikan dalam topik ini mempunyai hubungan dalam kehidupan anda dan apakah faedahnya	3.	<b>Kepentingan</b> Bagaimanakah kepentingan topik ini terhadap kehidupan anda, masyarakat dan negara.	4.	<b>Aplikasi Dan Tindakan</b> Bagaimanakah dapat mengaplikasikan topik kepada kehidupan pelajar serta tindakan yang perlu dilakukan untuk menghindari dari gejala ini.	5.	<b>Kesan Moral</b> Apakah terdapat unsur moral dan kesan yang ada dapat diambil dari topik modul yang telah disampaikan.		
Bil	Perkara													
1.	<b>Perkara Dipelajari</b> Perkara yang anda Pelajari Apakah perkara-perkara yang disampaikan dalam topik													
2.	<b>Kaitan Integriti dengan Kehidupan Sehari-hari</b> Bagaimana kaitan antara perkara-perkara yang disampaikan dalam topik ini mempunyai hubungan dalam kehidupan anda dan apakah faedahnya													
3.	<b>Kepentingan</b> Bagaimanakah kepentingan topik ini terhadap kehidupan anda, masyarakat dan negara.													
4.	<b>Aplikasi Dan Tindakan</b> Bagaimanakah dapat mengaplikasikan topik kepada kehidupan pelajar serta tindakan yang perlu dilakukan untuk menghindari dari gejala ini.													
5.	<b>Kesan Moral</b> Apakah terdapat unsur moral dan kesan yang ada dapat diambil dari topik modul yang telah disampaikan.													

	<p><b>DAN</b></p> <p><b>PEMBENTANGAN KAJIAN KES</b></p> <p><b>Contoh Tugas: KAJIAN KES 1</b></p> <p><b>Arahan Tugas:</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Persediaan dari segi penerangan tugas dan tajuk perlu dilakukan selewat-lewatnya pada minggu ke tiga setiap semester;</li> <li>2. Tempoh masa diberikan kepada pelajar adalah 8 minggu;</li> <li>3. Tugas ini lebih menjurus kepada kesalahan rasuah oleh individu yang terkenal dan berskala besar, contohnya:- <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Skandal Tehelka.com</li> <li>▪ Kes rasuah Suharto</li> <li>▪ Skandal rasuah Siemens</li> <li>▪ Kes rasuah Ferdinand Marcos</li> <li>▪ Skandal rasuah Rolls Royce</li> <li>▪ Skandal rasuah Airbus</li> <li>▪ Skandal SRC International</li> <li>▪ Kes Rasuah Khaleda Zia</li> <li>▪ Bekas Perdana Menteri Bangladesh</li> <li>▪ Kes rasuah Park Geun-Hye Presiden Korea Selatan</li> <li>▪ Skandal rasuah Petrobras di Brazil</li> <li>▪ Kes rasuah Bekas Presiden Brazil - Dilma Rousseff &amp; Luiz Incio Lula da Silva</li> <li>▪ Skandal rasuah Naib Presiden Guatemala - Roxana Baldetti</li> <li>▪ Kes Dr Mohamad Khir Toyo</li> <li>▪ Skandal rasuah melibatkan FIFA</li> </ul> </li> </ol>	<p>Pelajar akan diberikan tajuk/kes-kes rasuah yang berlaku di dalam dan luar negara. Pelajar perlu membuat pembentangan dengan mensintesis penyelesaian masalah integriti dan rasuah yang menekankan atribut disiplin sendiri, kesedaran sendiri dan kemandirian dalam MQF4: Kemahiran Kendiri.</p>	<p>Pembentangan yang berkaitan dengan penyelesaian masalah integriti dan rasuah yang menekankan atribut disiplin sendiri, kesedaran sendiri dan kemandirian dalam MQF4: Kemahiran Kendiri.</p>
--	---	--	--

	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Aman Shah Si Pencuri 1 sen.</li> <li>▪ Nick Leeson dan kejatuhan Barings Bank</li> <li>▪ Lain-lain</li> </ul> <p>4. Pembentangan perlu dilakukan semasa tempoh semester berlangsung;</p> <p>5. Pelajar perlu menyediakan pembentangan dan bahan pembentangan dengan menggunakan sebarang jenis medium pembentangan (slaid, poster digital, video, <i>talk show</i>, forum, webinar, TikTok, YouTube, <i>video reaction</i> dll);</p> <p>6. Sesalanan salinan lembut (<i>softcopy</i>) perlu diserahkan kepada tenaga pengajar;</p> <p><b>Hasil tugas:</b> Setiap pembentangan perlu mengandungi elemen-elemen seperti berikut:-</p> <table border="1" data-bbox="338 831 1189 1318"> <thead> <tr> <th data-bbox="338 831 434 874">Bil</th> <th data-bbox="434 831 1189 874">Perkara</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="338 874 434 999">1.</td> <td data-bbox="434 874 1189 999">Tajuk Tajuk perlulah jelas dan menggambarkan keseluruhan pembentangan.</td> </tr> <tr> <td data-bbox="338 999 434 1123">2.</td> <td data-bbox="434 999 1189 1123">Pengenalan Menjelaskan secara ringkas berkaitan dengan tajuk/ tema kajian kes yang dibuat.</td> </tr> <tr> <td data-bbox="338 1123 434 1318">3.</td> <td data-bbox="434 1123 1189 1318">Latar Belakang Kes Menceritakan latar belakang kes kajian yang dibuat seperti siapa yang terlibat, di mana, bila kes tersebut berlaku dan beberapa maklumat asas berkaitan dengan kajian kes.</td> </tr> </tbody> </table>	Bil	Perkara	1.	Tajuk Tajuk perlulah jelas dan menggambarkan keseluruhan pembentangan.	2.	Pengenalan Menjelaskan secara ringkas berkaitan dengan tajuk/ tema kajian kes yang dibuat.	3.	Latar Belakang Kes Menceritakan latar belakang kes kajian yang dibuat seperti siapa yang terlibat, di mana, bila kes tersebut berlaku dan beberapa maklumat asas berkaitan dengan kajian kes.		
Bil	Perkara										
1.	Tajuk Tajuk perlulah jelas dan menggambarkan keseluruhan pembentangan.										
2.	Pengenalan Menjelaskan secara ringkas berkaitan dengan tajuk/ tema kajian kes yang dibuat.										
3.	Latar Belakang Kes Menceritakan latar belakang kes kajian yang dibuat seperti siapa yang terlibat, di mana, bila kes tersebut berlaku dan beberapa maklumat asas berkaitan dengan kajian kes.										

4.	<p>Perbincangan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Faktor-faktor berlakunya kesalahan</li> <li>• Kesalahan yang dilakukan perlu dikaitkan dengan akta/ undang-undang dan hukuman yang berkaitan</li> <li>• Implikasi kepada individu/ organisasi/ individu dan negara</li> <li>• Langkah mengatasi isu integriti dan rasuah</li> <li>• Pengajaran daripada kajian kes yang dibuat</li> <li>• Rumusan kepada kajian kes yang telah dibuat</li> </ul>		
5.	Rujukan		
6.	Pembahagian tugas ahli kumpulan sertakan nama penuh dan nombor matrik pelajar.		

	<p><b>ATAU</b></p> <p><b>PEMBENTANGAN KAJIAN KES</b></p> <p><b>Contoh Tugas: KAJIAN KES 2</b></p> <p><b>Arahan Tugas:</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Persediaan dari segi penerangan tugas dan tajuk perlu dilakukan selewat-lewatnya pada minggu ketiga setiap semester;</li> <li>2. Tempoh masa diberikan kepada pelajar adalah 8 minggu;</li> <li>3. Tema/ tajuk/ kes-kes rasuah berdasarkan sumber seperti petikan akhbar atau berita perdana dalam dan luar negara, contohnya:- <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Kesalahan menerima rasuah</li> <li>▪ Kesalahan membuat tuntutan palsu (seksyen 18 Akta SPRM 2009)</li> <li>▪ Kesalahan salah guna kedudukan (seksyen 23 Akta SPRM 2009)</li> <li>▪ Kesalahan pengubahan wang haram</li> <li>▪ Kesalahan pegawai awam menerima hadiah daripada mereka yang mempunyai urusan rasmi seksyen 165 Kanun Keseksaan</li> <li>▪ Kes yang melibatkan harta rasuah disita dan dilucuthak</li> <li>▪ Kesalahan memberi rasuah</li> <li>▪ Kesalahan jenayah rasuah oleh kumpulan profesional</li> </ul> </li> <li>4. Pelajar perlu menghantar laporan; berkaitan dengan tema/ tajuk/ kes-kes rasuah yang diberikan;</li> <li>5. Sesalinan salinan lembut (<i>softcopy</i>) perlu diserahkan kepada tenaga pengajar;</li> </ol>	<p>Pelajar perlu mendapatkan maklum balas daripada media bercetak atau/dan media elektronik dalam menyediakan laporan refleksi mengenai penyelesaian masalah integriti dan rasuah dalam masyarakat. Semua perkara di atas adalah yang berkaitan aplikasi ke atas konsep integriti dan antirasuah dalam aktiviti seharian yang menekankan atribut disiplin sendiri, kesedaran sendiri dan kemandirian dalam MQF4: Kemahiran Kendiri.</p>	<p>Pembentangan yang berkaitan dengan penyelesaian masalah integriti dan rasuah yang menekankan atribut disiplin sendiri, kesedaran sendiri dan kemandirian dalam MQF4: Kemahiran Kendiri.</p>
--	---	---	--

<p><b>Hasil tugas:</b> Setiap pembentangan perlu mengandungi elemen-elemen seperti berikut:-</p>			
<b>Bil</b>	<b>Perkara</b>		
1.	Tajuk Tajuk perlulah jelas dan menggambarkan keseluruhan pembentangan.		
2.	Pengenalan Menjelaskan secara ringkas berkaitan dengan tema/ tajuk/ tema kajian kes yang dibuat.		
3.	Latar Belakang Kes Menceritakan latar belakang kes kajian yang dibuat seperti siapa yang terlibat, di mana, bila kes tersebut berlaku dan beberapa maklumat asas berkaitan dengan kajian kes.		
4.	Perbincangan <ul style="list-style-type: none"> <li>• Faktor-faktor berlakunya kesalahan</li> <li>• Kesalahan yang dilakukan perlu dikaitkan dengan akta/ undang-undang dan hukuman yang berkaitan</li> <li>• Implikasi kepada individu/ organisasi/ individu dan negara</li> <li>• Langkah mengatasi isu integriti dan rasuah</li> <li>• Pengajaran daripada kajian kes yang dibuat</li> <li>• Rumusan kepada kajian kes yang telah dibuat</li> </ul>		
5.	Rujukan		

	6. Pembahagian tugas ahli kumpulan sertakan nama penuh dan nombor matrik pelajar.		
--	---	--	--